

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN JADUAL 3) 2015**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 380 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 3) 2015.**  
  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 September 2015.

**Pindaan Jadual 3**

2. Jadual 3 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 21 perenggan yang berikut:

“22. Mana-mana pengendali pasaran diiktiraf yang aktiviti terkawalnya adalah semata-mata bersampingan dengan pengendalian olehnya suatu pasaran diiktiraf.”.

Dibuat 10 September 2015

[KK/SID/P/(S)/483/669/4(SK4)(2);PN(PU2)662/X]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH

*Menteri Kewangan Kedua*